

Usul pindaan enakmen tetap dibentangan — Nik Aziz

UM 23 JUN 2001

KOTA BHARU 22 Jun — Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, rang undang-undang bagi meminda Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kelantan tetap akan dibentangkan pada Sidang Dewan Undangan Negeri Isnin ini meskipun tanpa perkenan Sultan Kelantan.

Beliau berkata, soal mendapat perkenan tidak timbul pada masa sekarang kerana ia adalah tugas pihak istana.

“Tetapi kerja saya sebagai ketua parti serupa dengan kerja Datuk Presiden UMNO (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad), dia bawa kepada orang atas rakyat nak apa,” katanya.

Sebagai ketua parti Pas di peringkat negeri, menurut Nik Aziz, beliau mempunyai peranan yang serupa dengan Dr. Mahathir untuk membawa hasrat rakyat terbanyak ke peringkat atasan.

“Waktu Presiden UMNO kemuka barang ini (Perlembagaan Persekutuan) untuk pindaan kepada Parlimen, dia (Dr. Mahathir) membawa hasrat orang kampung, penyokong-penyokong UMNO zaman dulu.

“Saya sekarang juga membawa hasrat orang kampung melalui cawangan-cawangan.

“Bawa hasrat serupa sahaja, sama-sama membawa benda yang dihasratkan oleh rakyat ke peringkat atas,” katanya ketika ditemui selepas mengetuai solat hajat dan munajat rakyat Kelantan di Padang Perdana di sini hari ini.

Minggu lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim menggesa Menteri Besar mendapatkan perkenan Sultan Kelantan sebelum membentangkan pindaan berkenaan.

Mengulas lanjut, Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, beliau sendiri sebenarnya mahu sistem monarki di negara ini dike-

kalkan tetapi dengan syarat “raja kena faham, jangan buat masalah kepada rakyat.”

“Pada benda yang rakyat nak, dia (raja) kena beri kerana barang ini (pindaan perlembagaan) barang betul,” tegasnya.

Menurut Nik Aziz, di sebuah negara demokrasi, raja sebenar ialah orang politik sedangkan sultan hanya raja berperlembagaan iaitu raja yang dilantik atau ditabalkan.

Malah katanya, perlembagaan di sesebuah negara demokrasi itu boleh berubah-ubah mengikut kehendak rakyatnya sebaagimana berlaku di beberapa negara seperti Singapura, Indonesia, India dan England yang menyerahkan kuasa penuh kepada Presiden dan Perdana Menteri.

Sementara itu, ketika menyampaikan ceramah mingguannya di pejabat Pas negeri, Nik Aziz berkata, pindaan perlembagaan perlu dibuat kerana ia akan memberikan hak kepada Menteri Besar dan kerajaan negeri dalam pengurusan pentadbiran negeri.

“Hak Menteri Besar ialah dia mesti tahu pegawai-pegawai yang dilantik dan hak kerajaan dalam menentukan dasar.

Sehubungan itu, kata beliau, pindaan perlu dibuat sebagai satu usaha memodenkan sistem monarki di negeri ini di mana rakyat boleh menerima kehadiran institusi beraja dan terus menghormatinya.

Dalam pada itu, mengulas tentang kenyataan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wan Hashim Wan Daud sebelum ini yang meminta kerajaan negeri membatalkan hasrat itu, Nik Aziz berkata, kewajipan beliau sebagai kakitangan kerajaan adalah untuk melaksanakan kehendak ketuanya iaitu Menteri Besar.

“Jika tidak bersetuju berhenti,” tegasnya.